



## IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Pahang Darul Makmur) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

### 1. PENOLONG JURUTERA GRED JA29

a) JAWATAN & GRED	:	<b>PENOLONG JURUTERA GRED JA29</b>
b) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	<b>KEJURUTERAAN</b>
c) KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	<b>PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)</b>
d) KEKOSONGAN	:	<b>1 (SATU) JAWATAN</b>
e) TARAF JAWATAN	:	<b>SAMBILAN</b>

### f) SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 54.00 sehari); atau

diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 72.00 sehari).

- (d) Mempunyai kepakaran dalam bidang Kejuruteraan Elektrik.

### g) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## B. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang MDM.PERJ.1Pind. 1/2005 yang boleh didapati daripada Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Maran. Calon-calon yang ingin memohon borang melalui pos hendaklah mengemukakan sampul surat berukuran 22cm x 32cm yang beralamat sendiri dan berselem RM 1.00.
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, Sijil Kelahiran, Kad Pengenalan (depan dan belakang) yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- (c) Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 21, Bab 'A'.
- (d) Borang permohonan yang dilengkapkan hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 22 cm x 32 cm dengan setem yang mencukupi. Disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis Nama Jawatan yang dipohon.

## C. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada:-

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH MARAN  
26500 MARAN  
PAHANG DARUL MAKMUR.**

**Sebelum atau pada 28 April 2017**

## D. CATATAN AM

- (e) Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:-
  - a. Tidak lengkap
  - b. Tidak menggunakan Borang MDM.PERJ.1Pind.1/2005
  - c. Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan disahkan.
  - d. Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak terang, tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dan tidak ditandatangani akan ditolak.
  - e. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan.
- (f) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 (enam) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.